



فُجَابَةٌ سِيَّاْسَهَا كِرَاجَانِ نَكْرِي كِلَنْتَن

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Blok 2, Aras 2, Kota Darulnaim,
15503 KOTA BHARU
KELANTAN.

Tel : 09-748 1957
Pengarah : 09-748 5826
Faks : 09-747 0890 /
: 747 4152 / 748 2652
E-mail : bpsm@kelantan.gov.my

Ruj. Kami : SUK.D200 (01)15/1/1 Jld.3 (26)
Tarikh : 28 Jamadilawal 1439H
14 Februari 2018

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Unit / Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

ARAHAN PENTADBIRAN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 2 TAHUN 2018

**KEBENARAN KHAS KEPADA PENJAWAT AWAM MENJADI MUTAWWIF/ MUTAWWIFAH UMRAH
SEBANYAK SATU KALI BAGI SETIAP TEMPOH SATU TAHUN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa berdasarkan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan bertarikh yang diadakan pada 17 Januari 2018, telah bersetuju membuat keputusan supaya Kebenaran Khas Kepada Penjawat Awam Negeri Kelantan Untuk Menjadi Mutawwif/ Mutawwifah Umrah Sebanyak Satu Kali Bagi Setiap Tempoh Satu Tahun sebagaimana panduan pelaksanaan di Lampiran A.

Sekian, dimaklumkan.

* RAJA BERDAULAT, NEGERI BERKAT *

* MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN *


Saya yang menurut perintah,

DATO' HAJI ADNAN BIN HUSSIN, D.P.S.K. (Kelantan)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
b.p.: **SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
KELANTAN**

Lampiran A

**PANDUAN PELAKSANAAN KEBENARAN KHAS UNTUK MENJADI MUTAWWIF/ MUTAWWIFAH UMRAH
SEBANYAK SATU KALI BAGI SETIAP TEMPOH SATU TAHUN**

1. Kebenaran Khas ini hanya diberikan kepada penjawat awam **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** (Gred 41 dan ke atas) dibawah klasifikasi skim perkhidmatan **Sosial (S) – Pegawai Tadbir Ugama dan Perundungan dan Kehakiman (LS)** yang telah disahkan jawatan sahaja.
2. Kebenaran khas ini bertujuan untuk memperluas dan memperkasakan pengetahuan penjawat awam dalam bidang ilmu ibadat Umrah yang sering menjadi sumber rujukan kepada orang ramai dan penjawat awam yang lain.
3. Kebenaran Khas boleh diberi kepada penjawat awam untuk menjadi Mutawwif/Mutawwifah Umrah sebanyak satu kali sahaja dalam setiap tempoh satu tahun dengan syarat pegawai berkenaan **mestilah membuat perakuan bertulis** kepada Ketua Jabatan mengenai pelantikan beliau sebagai agen umrah.
4. Kebenaran Khas ini adalah diperakui dengan syarat penjawat awam berkenaan telah terlebih dahulu mendapat kelulusan bagi perakuan bertulis kepada Ketua Jabatan mengenai peranan beliau sebagai mutawwif/mutawwifah kepada mana-mana syarikat pelancongan umrah.
5. Pegawai awam yang dibenarkan menjadi mutawwif/mutawwifah sekali bagi tempoh satu tahun juga perlulah menggunakan cuti rehat mereka yang berkelayakan.
6. Pegawai awam yang menjadi mutawwif/mutawwifah tidak boleh mempromosi diri dalam mana-mana iklan ejen/syarikat pelancongan.
7. Kebenaran Khas ini juga perlulah direkod dalam Buku Perkhidmatan kenyataan pegawai berkenaan.


DATO' HAJI ADNAN BIN HUSSIN, D.P.S.K. (Kelantan)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
KOTA DARULNAIM

Bertarikh : 28 Jamadilawal 1439H bersamaan
14 Februari 2018